

26 JUL 1997

Asean-Anugerah

PRESIDEN MIMOS DIPILIH TERIMA ANUGERAH IT ASEAN

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Berhad, Tengku Datuk Dr Azzman Shariffadeen, hari ini dinamakan sebagai penerima Anugerah Pencapaian Asean Kelima dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Tengku Azzman ialah antara tiga personaliti Malaysia termasuk Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Datuk Dr Ahmad Zaharudin Idrus, dalam senarai 11 penerima anugerah pencapaian dalam bidang-bidang khas bagi tahun ini.

Presiden Forum Perniagaan Asean, Tan Sri Datuk Dr Loy Hean Heong, yang mengumumkan pemenang anugerah itu pada persidangan berita di sini, berkata majlis penyampaian rasmi anugerah itu akan diadakan dalam satu jamuan malam gemilang pada 7 Ogos di Jakarta.

"Pencalonan pelbagai kategori itu dibuat dua bulan lepas daripada orang ramai dan pertubuhan kebangsaan dan serantau yang terpilih menerusi pengiklanan media, liputan akhbar dan surat," katanya.

Tengku Azzman yang juga Setiausaha Tetap Majlis IT Kebangsaan Malaysia (NITC) memenangi anugerah itu bagi kategori IT kerana sumbangannya kepada pembangunan dan penggalakan IT di negara ini.

Marina memenangi anugerah itu bagi kategori perkhidmatan masyarakat sebagai pengiktirafan terhadap penyertaan dan kepimpinan aktif beliau dalam kerja-kerja amal peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dr Ahmad Zaharuddin pula diiktiraf dalam bidang sains kerana banyak kejayaan cemerlangnya termasuk mewujudkan Biro Pengendalian Makanan Asean.

Anugerah utama iaitu Ahli Perniagaan Tahunan Asean akan disampaikan kepada Pengetusi Kumpulan Syarikat Bakrie Indonesia, Ir Aburizal Bakrie.

Penerima lain ialah Indonesia (Perniagaan dan Perlindungan Alam Sekitar), Thailand (Perubatan dan Sukan), Filipina (Visual dan Seni Persembahan, dan Kejuruteraan), dan Singapura (Pendidikan, dan Penyelidikan dan Pembangunan). -- BERNAMA

NI NAK